

ASEAN semakin dinamik

U.M m/s 11

Oleh G. MANIMARAN
(WARTAWAN UTUSAN)

17.1.07

Bagi Malaysia Sidang Kemuncak Ke-12 adalah satu kejayaan yang boleh dianggap sebagai 'kebanggaan peribadi, bersama dan serantau'

PERTEMUAN di pelbagai lokasi di Pulau Cebu, Filipina berakhir dengan tenang dan tanpa gangguan manakala senyuman dapat dilihat pada wajah di kalangan 16 pemimpin negara dan kerajaan Asia Tenggara, Timur dan Selatan. Jika kehadiran sebahagian besar pemimpin diiringi hujan sepanjang penghujung minggu lalu, kepulangan mereka diiringi sinaran matahari - satu petanda rahmat dan sinaran, yang turut menjadi kepercayaan penduduk Filipina, bahawa persekitaran positif akan dirasai untuk meletakkan ASEAN dalam kedudukan yang lebih kukuh dan mantap.

Keyakinan ini turut dinyatakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selaku Pengerusi Sidang Kemuncak ASEAN Ke-11 dan Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo yang merupakan Pengerusi Sidang Kemuncak ASEAN kali ini pada sidang akhbar di hari terakhir pertemuan kali ini.

Abdullah merumuskan, jika segala potensi dan sumber di rantau ASEAN yang mempunyai lebih 500 orang penduduk manakala India dan China, antara negara peserta Sidang Kemuncak Asia Timur dengan penduduk melebihi dua bilion digunakan, akan "muncul wilayah yang lebih maju berbanding Eropah."

Arroyo yang kelihatan lebih ceria kelmarin berbanding sebulan lalu iaitu apabila sidang kemuncak ditangguhkan ekoran ancaman taufan Utor dan kemungkinan kerana kebimbangan serangan pengganas mengikut sesetengah pihak, pula menganggap pertemuan kali ini memperlihatkan rantau ini "terus menuju ke arah wilayah yang dinamik dengan kerjasama yang semakin meluas dan berkembang."

Penangguhan tersebut merupakan kali pertama dalam sejarah ASEAN yang genap ulang tahun ke-40 penubuhan tahun ini. Ia tidak disangka oleh sesiapa. Tetapi ia memberi satu hikmah kepada semua untuk memastikan hasil perjalanan adalah baik dan memanfaatkan semua.

Bagi Malaysia Sidang Kemuncak Ke-12 adalah satu kejayaan yang boleh dianggap sebagai 'kebanggaan peribadi, bersama dan serantau'.

Dua perkara yang dibincangkan dan diterima bersama memperlihatkan kema-

juan signifikan dari Kuala Lumpur. Pertama, usaha ke arah merealisasikan pengubalan Piagam ASEAN.

Dalam tempoh setahun, Kumpulan Tokoh-Tokoh Terkemuka (EPG) yang diketuai oleh bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Musa Hitam telah mengemukakan laporan komprehensif berkaitan dan tindakan susulan akan diambil Pasukan Pugas Peringkat Tinggi (HLTF) untuk menyediakan Piagam ASEAN menjelang November ini.

Piagam ASEAN disyorkan menjadikan tema Sidang Kemuncak ASEAN Ke-11, Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti dijadikan slogan tetap ASEAN dalam usaha melahirkan Komuniti Asia Timur (EAC).

Keduanya, mesyuarat susulan Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS) yang kesemua negara peserta yang hadir di Kuala Lumpur kembali melahirkan komitmen mereka kelmarin.

Indonesia diwakili oleh menteri penyelesaian ekonomi selepas presidennya kembali awal ke tanah air.

Kehadiran pemimpin negara EAS untuk menyertai sidang kemuncak setengah hari menunjukkan komitmen mereka untuk menjayakan idea EAS yang bergerak dari usaha Kuala Lumpur.

Piagam ASEAN dan EAS merupakan dua agenda penting kali ini, susulan daripada pertemuan 14 bulan lalu.

Antara isu-isu politik yang sekali lagi menjadi perbincangan kali ini; proses perdamaian di Myanmar dan tekanan antara-ganas yang mahu mengenak sekatan ke atasnya, program nuklear kontroversi Korea Utara dan ketegangan di Semenanjung Korea yang perkembangan di Asia Barat khususnya di Iraq dan konflik Palestin-Israel. Perkembangan konflik politik rantau Asia Tenggara yang lain dipercayai disentuh secara tidak langsung iaitu perkembangan di Aceh, selatan Thailand dan runding damai di Mindanao yang Malaysia menjadi perantara.

Dari segi integrasi ekonomi, pemimpin-pemimpin ASEAN mencapai kata sepakat untuk membolehkan matlamat tersebut dicapai menjelang tahun 2015 berbanding dengan sasaran 2020 sebelum ini

Filipina sebagai tuan rumah mengambil kesempatan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-12 dengan menengahkan keperluan mengeratkan kerjasama untuk meningkatkan perlindungan ke atas pekerja-pekerja asing negara-negara ASEAN atas alasan mahu mengimbangi tunjang ketiga ASEAN iaitu aspek sosial.

Sehubungan itu, Deklarasi Cebu Ke Arah Komuniti Penayang dan Muafakat Bersama dimeterai.

Empat dokumen penting yang turut dimeterai ialah Deklarasi Cebu Mengenai Usaha Mempercepatkan Pembentukan Satu Komuniti ASEAN Menjelang 2015, Deklarasi Cebu Mengenai Perlindungan dan Menggalakkan Hak Asasi Pekerja Asing, Deklarasi Cebu Mengenai Pelan Tindakan Piagam ASEAN dan Konvensyen ASEAN Menangani Keganasan.

Pemimpin-pemimpin ASEAN mengahului pertumbuhan wilayah dalam Sidang Kemuncak Pertumbuhan ASEAN-Brunei, Indonesia, Malaysia dan Filipina (BIMP-EAGA) Ketiga dan Sidang Kemuncak Pertumbuhan Segi Tiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) Kedua.

Kelima-lima dokumen berkenaan dengan sendirinya menggambarkan kesinambungan sidang kemuncak terdahulu di Kuala Lumpur dan signifikan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-12 yang berlangsung pada 13 Januari lalu.

Beberapa isu yang diketengahkan turut dibawa untuk perhatian Sidang Kemuncak ASEAN+3 dan Sidang Kemuncak ASEAN yang diadakan secara berasingan dengan China, Jepun, Korea Selatan dan India.

Ketika ASEAN menyambut ulang tahun ke-40 pada Ogos ini, Sidang Kemuncak ASEAN+3 pula memasuki tahun ke-10.

Ia menggambarkan perkembangan kemajuan hubungan dan kerjasama antara 10 anggota ASEAN dengan rakan-rakan dialog dari Asia Timur: China, Jepun dan Korea Selatan. Hubungan India pula sudah berusia lima tahun dengan Sidang Kemuncak ASEAN-India Kelima berlangsung Ahad lalu.

Dalam memperingati ulang tahun ke-10 Sidang Kemuncak ASEAN+3, Jepun mahu satu penilaian dibuat bagi mengenal pasti

kekuatan dan kekurangan jalinan kerjasama ini.

EPG yang dibentuk untuk tujuan ini akan membentangkan laporannya pada sidang kemuncak di Singapura kelak.

Meskipun idea itu datang dari Jepun, yang kemungkinan terbatas kepada hubungan ASEAN-Jepun sahaja, ada baiknya jika ia diperluaskan merangkumi Tokyo, Beijing dan Seoul yang terus memainkan peranan menyeluruh dari segi pertumbuhan dan pembangunan wilayah rantau Asia Tenggara.

Dalam pertemuan antara ASEAN-China, keperluan menjayakan pelaksanaan Deklarasi Tatalaku Pihak-Pihak Di Laut China Selatan berhubung tuntutan bertindih turut dibincangkan.

Isu-isu baru yang lain, yang mendapat perhatian termasuklah nasib Pusingan Doha, Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO), syor penubuhan Pusat Kepelembagaan Bio ASEAN dan kerjasama ketika bencana alam.

Jika EAS memfokus soal keanggotaan dan pembentukannya pada pertemuan lalu, kali ini EAS menuju terhadap perkara-perkara khusus termasuk isu-isu politik, sosial dan ekonomi serantau.

Dalam hal ini, EAS memeterai Deklarasi Cebu Mengenai Jaminan Tenaga Asia Timur yang dilihat sebagai satu pencapaian penting dalam menentukan pembangunan berkekalan rantau ini.

Usaha mengurangkan kebergantungan kepada tenaga konvensional dan meningkatkan sumber-sumber boleh diperbaharui, diyakini akan mendatangkan manfaat langsung dan tidak langsung kepada negara-negara EAS dalam jangka panjang.

Malah pertemuan kali ini juga mencatatkan sejarah ekoran penerimaan Perancis dan Timor Leste sebagai rakan dialog dengan menandatangani perjanjian kerjasama.

Pemimpin-pemimpin ASEAN, EAS dan rakan-rakan dialog badan serantau ini boleh mengharapkan hasil perbincangan yang lebih membina apabila mereka bertemu pada November ini di Singapura.

Dua perkara yang sudah pasti akan menjadi perhatian ialah usaha ke arah membentuk mekanisme mencegah, mengelak dan mengurus krisis kewangan, yang pernah dialami Asia pada tahun 1997, dan deklarasi menangani masalah alam sekitar termasuk jerebu yang kini menjadi fenomena serius sejak satu dekad lalu.